



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
JAWATAN KENAIKAN PANGKAT  
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

**A.** Semua pemohon **WAJIB** mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Melengkapkan borang maklumat pendaftaran dengan mengimbas **QR Code** yang disediakan.
- ii) **Memuat turun dan mencetak borang permohonan** jawatan kosong dan dihantar ke Jabatan Khidmat Pengurusan, MPPD seperti alamat di **para D**.

**B. CARA MEMOHON**

- i) **Permohonan untuk jawatan kosong** boleh dimuat turun selepas melengkapkan borang maklumat pendaftaran di **Google Form** dan **satu (1)** borang adalah terhad untuk **satu (1)** jawatan sahaja.
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan daripada **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas)** seperti berikut:
  - a. gambar warna berukuran pasport;
  - b. kad pengenalan (*telah dipalang 'untuk kegunaan MPPD sahaja'*);
  - c. sijil kelahiran;
  - d. sijil berhenti sekolah;
  - e. sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang.

**C. SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT :**

- i. pegawai lantikan tetap;
- ii. disahkan dalam perkhidmatan;
- iii. melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- iv. satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah di kemas kini;
- v. satu (1) salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan Penilaian Prestasi melalui **MyPERFORMANCE** bagi **tiga (3) tahun terakhir (2023,2024 dan 2025) – (perlu disahkan oleh Ketua Jabatan di setiap helaian)**;
- vi. diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- vii. bebas daripada hukuman tatatertib;
- viii. telah mengisytiharkan harta;
- ix. lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);dan
- x. bebas daripada disenarai hitam sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan.

- D. Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Port Dickson,  
KM 1, Jalan Pantai,  
71009 Port Dickson.  
(u.p.: Jabatan Khidmat Pengurusan )**

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 30 April 2026 (KHAMIS)  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 Mei 2026 (KHAMIS JAM 5.00 PETANG)**

**Sebarang penghantaran borang selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.**

**E. PERMOHONAN SEPERTI BERIKUT AKAN DITOLAK :**

- i) Borang permohonan dan maklumat tidak lengkap atau tidak jelas;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah seperti para B(ii);
- iv) Tidak memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat seperti para C;
- v) Tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.

**F. CATATAN AM (PENTING-SILA AMBIL PERHATIAN)**

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian kecergasan / ujian bertulis dan temu duga melalui surat panggilan dan email.
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya (tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson).
- iii) Pihak Majlis Perbandaran Port Dickson tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.